

MEMAHAMI ASPEK PENGHINAAN TERHADAP AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

UNDERSTANDING THE ASPECTS OF RELIGIOUS DEFAMATION AGAINST ISLAM IN MALAYSIA

Roslizawati Mohd Ramly, Marina Munira Abd Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi
Wan Mohd Razali, Nurhafizah Mohd Shukor, Mohd Rosmizi Abd Rahman,
Eizan Azira Mat Sharif, Muhamad Zaki Mustafa, Izzudin Mohd Haris

Universiti Sains Islam Malaysia

roslizawati@usim.edu.my

Abstract

The issue of religious defamation against Islam in Malaysia on social media remains unresolved by the existing laws, resulting continuous acts of cursing, insulting, and denigrating the religion of Islam. Due to the current situation, preventive measures in addressing this issue should prevail. For this reason, this study has been conducted to understand the aspects and contexts of blasphemy against Islam in Malaysia via qualitative methods. The qualitative data were gathered through Library studies and in-depth interviews. The interviews were conducted among informants who had the expertise and knowledge to explain the issues and problems of this study. The interviews were descriptively transcribed and analyzed. The findings showed that there are various aspects and contexts for religious blasphemy that are fundamentally intertwined. Therefore, preventive approaches must commence in terms of educational awareness and da'wah paradigm.

Keywords: Aspect and contexts for religious defamation, Islam, Malaysia

Abstrak

Isu penghinaan agama Islam di Malaysia terutamanya di media sosial masih tidak dapat ditangani dengan sebaiknya melalui sistem perundangan sedia ada. Sehingga ke hari ini masih berlaku perbuatan mencerca, menghina dan merendahkan martabat agama Islam di negara ini. Melihat kepada situasi semasa maka satu langkah pencegahan perlu diambil bagi menangani isu ini. Untuk tujuan tersebut kajian ini telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penghinaan agama Islam di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif, di mana data diperolehi melalui analisis teks (textual analysis) dan temu bual mendalam (in-depth interview). Para informan dipilih dari kalangan individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan untuk menjelaskan isu dan permasalahan kajian ini. Data temu bual telah ditranskrip dan dianalisis secara deskriptif. . Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai aspek dan konteks berlakunya penghinaan agama yang secara asasnya saling berkait rapat. Oleh itu, pendekatan pencegahan perlu dimulakan daripada aspek pendidikan dan *da'wah*.

Kata kunci: Aspek penghinaan agama, Islam, Malaysia,

PENDAHULUAN

Isu penghinaan agama Islam di media sosial merupakan satu isu yang masih tidak dapat ditangani dengan sebaiknya melalui sistem perundangan sedia ada. Buktinya pada ketika kertas ini ditulis, masih terdapat laporan media pada bulan April, Jun dan Julai 2021 mengenai iklan judi menghina Islam (Astro AWANI, 2021) perbuatan membakar al-Quran (Harian Metro, 28 Jun 2021) dan memijak al-Quran (BH Online: 27 Jun 2021). Manakala, sehingga ke hari ini daripada 34 kes penghinaan agama yang dilaporkan hanya tiga kes sahaja yang telah disabitkan kesalahan dan hukuman (Roslizawati Mohd Ramly et al., 2020).

Hal ini berlaku kerana tiada peruntukan yang jelas dan tegas mengenai penghinaan agama Islam yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru kesalahan menghina agama hanya boleh didakwa di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan 233 Akta Komunikasi. Manakala, undang-undang syariah pula hanya boleh menghukum, jika sabit kesalahan mana-mana individu muslim yang menghina agama Islam. Namun tidak boleh menggunakan peruntukan yang sama terhadap bukan Islam. Selain daripada itu, undang-undang syariah juga mempunyai beberapa kelemahan yang mengakibatkan kesukaran untuk membuat pendakwaan dan pensabitan kes kerana skop kesalahan menghina agama adalah terlalu umum dan kabur (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017).

Di Malaysia, isu penghinaan agama Islam adalah merupakan isu sensitif dan boleh menjejaskan perpaduan nasional. Tambahan pula, Islam merupakan agama Persekutuan dan dianuti oleh lebih daripada separuh populasi penduduk di negara ini. Justeru, perbuatan mencemarkan kesucian dan memperlekehkan agama Islam boleh menimbulkan kemarahan dan protes daripada umat Islam atau majoriti penduduk Malaysia. Ini dapat dilihat dengan merujuk kepada isu kalimah Allah, di mana beberapa siri protes telah dilakukan oleh umat Islam di seluruh negara sebagai bantahan kepada penggunaan kalimah tersebut di dalam Bible terjemahan berbahasa Melayu (Roslizawati Mohd Ramly et al., 2020).

Justeru, penerokaan terhadap faktor-faktor penyebab penghinaan agama Islam di media sosial dilihat amat penting dalam rangka usaha untuk membina pendekatan pencegahan penghinaan agama yang lebih komprehensif dan praktikal.

KONSEP PENGHINAAN AGAMA

Menurut Kamus Bahasa Melayu, perkataan penghinaan adalah merupakan kata terbitan yang merujuk kepada perbuatan atau hal menghina (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Manakala perkataan hina bersinonim dengan perkataan keji, tercemar, tercela, kotor dan buruk (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Dalam erti kata yang lain,

perbuatan menghina adalah merupakan suatu perbuatan yang jelik dan negatif. Sifat menghina ini juga sebenarnya bukanlah sesuatu yang baik kerana secara fitrahnya umat manusia dijadikan dalam keadaan menyukai kebaikan dan keindahan, bukannya menyukai perkara-perkara yang jelik dan negatif.

Dalam Bahasa Arab penghinaan agama atau *al-istihzā' bi al-dīn* merujuk kepada perbuatan mengejek dan mencemuh agama. Menurut Ibn Manzūr lafaz *istihzā'* (kata asal *huzū'*) bermaksud *sukhriyyah* iaitu ejekan atau cemuhan (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Dalam Al-Quran dapat ditemui penggunaan perkataan *istihzā'* dan *sukhriyyah* untuk menjelaskan peristiwa penghinaan yang dilakukan oleh umat terdahulu kepada para Rasul.

Firman Allah SWT surah al An'am 6: ayat10;

وَلَقَدْ آسَّتْهُمْ بَرُؤْسٌ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olokkan beberapa orang rasul sebelum mu, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.”

Terdapat juga penggunaan perkataan *arādhilunā*, yang bermaksud orang-orang yang hina, yang digunakan bagi menggambarkan penghinaan kepada para pengikut Nabi *alayhi al-Salām*. Dalam Surah Hud 11: ayat 27, firman Allah SWT:

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ مَا تَرَبُّكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا وَمَا تَرَبُّكَ أَتَبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِآدِي الرَّأْيِ وَمَا تَرَىٰ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ

Maksudnya: Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: “Kami tidak memandangi (wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandangi kamu (semua) mempunyai

sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta.”

Dari sudut definisi perundangan, terdapat enam peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan (2010) yang berkaitan dengan hal ehwal Islam iaitu Perkara 3 (1), Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12 (4), Perkara 121 (1A) dan Perkara 160 (2). Namun begitu, tiada peruntukan dalam perlembagaan yang secara jelas membincangkan berkaitan kesalahan penghinaan terhadap agama Islam. Hanya Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan yang mungkin boleh dilihat berkaitan dengan halangan daripada sebarang perkara yang boleh menghina Islam. Melalui Perkara 11, terdapat beberapa negeri yang telah mengadakan undang-undang untuk menyekat pengembangan agama-agama lain kepada orang-orang Islam.

Undang-undang yang dirujuk bagi kes penghinaan agama adalah peruntukan yang berkait dengan Akta Penyalahgunaan Media dan juga Akta yang berkait dengan keselamatan dan kesejahteraan sosial. Jelasnya, dari aspek perundangan sivil, penghinaan agama boleh didakwa kerana ianya merupakan kesalahan yang membabitkan kepentingan awam dan keselamatan negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, agama dan budaya, wajib mempunyai peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang yang dapat mengelakkan daripada berlakunya perselisihan dan konflik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jika dirujuk kepada undang-undang Syariah di Malaysia, terdapat enakmen khusus berkaitan kesalahan menghina agama Islam. Menurut kajian oleh Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) peruntukan undang-undang Syariah tersebut adalah tidak bertentangan dengan maksud perbuatan menghina agama Islam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis. Kesalahan menghina agama Islam dalam enakmen jenayah Syariah secara umumnya dihuraikan dan diperincikan seperti berikut:

1. Menghina, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan atau menyebabkan Islam dipandang hina sama ada secara lisan, tulisan, gambar, lukisan,

perkataan yang dapat didengar dan dibaca, isyarat dan perbuatan atau menghina dengan cara apa jua pun.

2. Mempersenda, mempermain, mengajuk-ajuk, mengolok-olok, mencemuh dan merendah-rendahkan perkara berikut: amalan, upacara dan istiadat berkaitan Islam, undang-undang berkaitan Islam yang sedang dikuatkuasakan, mazhab yang sah dan muktabar, fatwa dan para pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik.
3. Menghina, meniru, mempersenda, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan al-Quran dan Hadis serta ayat-ayat berkaitan dengan agama samada melalui kata-kata, perkataan, lisan dan perbuatan atau dengan cara apa jua pun.
4. Memusnahkan, merosakkan, mencemarkan, membinasakan, meroboh, mengubah, memindahkan surau dan masjid serta apa jua kemudahan yang terdapat padanya dengan tujuan untuk menghina, merendah, mempersenda, mencela dan mengeji agama Islam atau dengan niat atau tujuan apa sekalipun.
5. Turut dianggap sebagai kesalahan menghina agama adalah dakwaan seseorang Muslim bahawa dia telah keluar dari Islam.

Media sosial secara umumnya digunakan sebagai satu platform untuk menyampaikan maklumat. Media sosial merujuk kepada perkhidmatan aplikasi ataupun mana-mana rangkaian internet yang digunakan sebagai platform untuk masyarakat awam berkomunikasi di alam maya. Antara aplikasi media sosial yang popular di Malaysia adalah *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Oleh itu, istilah penghinaan agama Islam di media sosial merujuk kepada perbuatan yang bertujuan merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam melalui penghantaran apa sahaja bentuk mesej di laman sosial. Jelasnya, motif penghinaan agama adalah untuk menyakitkan hati orang lain dan membuat provokasi yang boleh

menggugat ketenteraman awam. Namun begitu, konsep penghinaan agama dalam kertas kerja ini tidak merangkumi dakwaan atau cubaan untuk meninggalkan agama Islam.

KAJIAN LALU

Menurut sebuah kajian di Indonesia, terdapat beberapa faktor penyebab telah dikenal pasti sebagai punca berlaku penghinaan agama di negara tersebut. Faktor-faktor tersebut adalah: pertama, bermotifkan politik, di mana agama sering digunakan bagi tujuan mencapai kuasa politik. Kedua, kewujudan ajaran sesat yang dilihat berpunca daripada pemimpin agama yang tidak berperanan dengan sebaiknya dalam masyarakat dan kejahilan penganut agama sendiri. Ketiga, sistem undang-undang yang tidak berkesan kerana terdapat kelemahan dari sudut penguatkuasaan dan hukuman yang tidak setimpal. Keempat, terdapatnya kepelbagaian agama yang menyebabkan wujudnya perasaan sebagai yang paling benar dan golongan yang mempertahankan sektarian yang sesat atas dasar hak kebebasan beragama (Zuliyus & Pitchan, 2020).

Kajian yang dilakukan oleh (Muhamad Faisal Ashaari et al., 2015) turut mengaitkan motif politik dan kebencian sebagai faktor berlakunya penghinaan terhadap agama Islam oleh pengikut kumpulan *Facebook Murtads in Malaysia and Singapore*. Hal ini kerana, didapati bahawa kajian mereka mengenai Islam adalah berteraskan kepada sifat anti Islam yang dipengaruhi oleh semangat Perang Salib.

Faktor boleh berlakunya penghinaan agama juga didapati terkait rapat dengan kemajuan teknologi komunikasi itu sendiri yang secara tidak langsung mempromosikan ideologi liberalisme iaitu hak kebebasan individu termasuk hak kebebasan bersuara tanpa batasan. Menurut Alfani & Saputra (2019), di Indonesia kemudahan teknologi ini telah menyebabkan kewenangan perbuatan mencerca dan menghina serta saling berbantah dalam kalangan warganet di negara itu. Mereka juga turut menyatakan bahawa terdapat juga penghinaan yang dilakukan tanpa sengaja

kerana pelakunya mendakwa tidak bertujuan sedemikian. Perlakuan sebegini sebenarnya juga menjelaskan bahawa pelaku mungkin tidak meyedari perlakuan mereka yang telah menghina agama Islam dan mengetahui adanya undang-undang berkaitan penghinaan agama.

Jelasnya, faktor penghinaan agama ini didorong oleh pelbagai faktor penyebab. Namun begitu, berdasarkan kepada tinjauan literatur, kajian yang memahami aspek dan konteks berlakunya penghinaan terhadap Islam secara khusus dan lebih terperinci dengan menggunakan metod tembuhal mendalam masih belum lagi dilaksanakan. Kajian oleh Muhammad Faisal Ashaari et.al (2015) mungkin boleh dilihat sebagai antara kajian rintis terhadap isu penghinaan agama Islam di media sosial Malaysia. Namun kandungan kajian mereka tidak memfokuskan kepada usaha mengenal pasti konteks yang berlaku dalam isu penghinaan terhadap agama Islam. Justeru, kajian ini penting dilakukan bagi mengisi kelompongan dalam kajian isu penghinaan agama di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Data diperolehi melalui temu bual mendalam (*in-depth interview*) bersama golongan informan yang telah dikenal pasti mempunyai kepakaran dan pengetahuan untuk menjelaskan isu dan permasalahan kajian ini.

Bagi tujuan pengumpulan data, penyelidik melakukan proses temu bual secara dalam talian dengan berpandukan soalan separa struktur. Hasil temu bual telah ditranskrip dengan mendengar semula rakaman secara teliti dan menyalinnya semula tanpa meninggalkan satu perkataan pun. Setelah itu data yang telah ditranskrip telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan di mana data temu bual telah dibaca berulang kali bagi mengenal pasti tema utama bagi tujuan membuat interpretasi dan cadangan penyelesaian masalah kajian.

Di samping kaedah temu bual mendalam, data juga telah diperolehi daripada beberapa dokumen. Pengutipan dan pengumpulan maklumat daripada dokumen membolehkan penyelidik menambah, membandingkan dan memperkukuhkan lagi data-data yang diperolehi daripada sesi temu bual. Dalam kajian ini dokumen yang dirujuk adalah bahan rujukan sekunder seperti jurnal akademik, artikel akademik, dan kajian-kajian lepas.

Jumlah informan yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah seramai 5 orang. Para informan terdiri daripada Pegawai Agama, Pengamal Media, Ahli Akademik, pengguna media dan Ibu/Bapa.

Bil.	Informan	Kategori
1	IF1	Pegawai Agama (JAKIM)
2	IF2	Pengamal media
3	IF3	Ahli Akademik
4	IF4	Pengguna media
5	IF5	Ibu/Bapa

DAPATAN KAJIAN

1. Kefahaman Tentang Agama Islam

Secara keseluruhannya, informan berpendapat bahawa faktor penghinaan agama yang berlaku di Malaysia ini adalah kerana kurangnya kefahaman tentang Islam. Hal ini disokong oleh kenyataan informan.

IF1: "...kita boleh katakan dia ni tak faham agama lah, tak faham agama kita, sensitiviti dan sebagainya..."

IF2: "...seperti saya katakan tadi kesalah fahaman dan ketidakfahamanlah tentang agama, jadi nak salahkan siapa ya..."

IF3: "...sebenarnya saya dah jawab sebahagian tadi, tapi saya rasa saya boleh ulang balik. Yang pertamanya adalah salah faham terhadap Islam, salah faham terhadap agama Islam..." ,
"...Tentulah kerana tidak memahami agama lain..."

IF4: "...saya rasa satu kurang pemahaman pasal agama itu sendiri..."

IF5: "...faktor dalamannya mungkin seperti tiada sensitiviti, kejahilan..."

2. Persekitaran Didikan Keluarga/Ibu bapa

Selain itu, informan berpendapat bahawa penghinaan agama ini berlaku atas kekurangan dalam didikan ibu bapa dan keluarga tentang agama kepada anak-anak ataupun golongan yang terlibat dalam penghinaan agama ini.

IF1: "...dia Islam, tapi mungkin kerana satu, kurangnya didikan agama itu sudah pastilah..."

IF2: "...Mungkin di peringkat keluarga, kedua ibu bapa yang tidak mendidik anak mereka supaya memahami agama dengan sebetulnya..."

IF3: "...contohnya macam keluarga (didikan)..."

3. Pengalaman individu

Informan juga berpendapat bahawa faktor pengalaman individu yang berhadapan atau berurusan dengan orang Islam yang tidak membawa imej Islam yang betul merupakan punca kepada penghinaan agama.

IF1: "...yang kedua, mungkin dia ada sesuatu, *wallahualam* mungkin dendam yang menyebabkan dia ni teruk sangat memusuhi Islam..."

IF4: “...faktor pengalaman sendiri, ada sesetengah orang, dia tiba-tiba *encounter* dia dengan Muslim adalah *encounter* yang tidak bagus untuk *first time* ini, dia akan rasa macam tulah, dia akan terus *assume* yang Muslim itu jahat contohnya...”

4. Aliran Pemikiran

Selain itu, menurut informan, aliran pemikiran seperti sekularisme, liberalisme dan ekstremisme adalah aspek yang membentuk kefahaman dan tindakan untuk menghina agama di Malaysia.

IF3: “...saya ingat yang menjadi isu di Malaysia, sebab kita punya konsep tentang kebebasan bersuara ini sangat dipengaruhi oleh Barat, nak hina Jesus pun tak ada masalah kan, nak hina Tuhan pun tak ada masalah, sebab dia mengamalkan kebebasan beragama yang tidak ada *limitation* kan, tetapi kita di Malaysia lain, sebab kita, budaya kita berbeza...”

IF3: “...Saya ingat yang paling membimbangkan juga adalah fahaman ekstrem dalam kalangan penganut agama, sama ada Muslim ataupun bukan Islam sebenarnya. Kalau di Malaysia ini sahaja, penghinaan kepada agama Islam dilakukan oleh bukan Islam ini terdiri daripada kalangan mereka yang ekstremis ataupun yang sekular, yang mereka bukan penganut agama yang betul...”

5. Persepsi Terhadap Parti Politik

Menurut informan, imej dan agenda parti politik tertentu yang menjadikan agama sebagai wadah untuk mendapatkan sokongandan undi telah menyebabkan berlakunya penghinaan terhadap agama Islam.

IF5: “...dia nampak macam *certain political party* ini sebagai agama...”

6. Aspek Undang-undang

Dilihat bahawa undang-undang berkenaan penghinaan agama ini tidak jelas, tegas dan tidak dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia. Hal ini seperti mana dinyatakan oleh informan berikut.

IF5: "...mungkin undang-undang belum diperkenalkan. *I mean that people should know more what are the consequences of their action regarding this.* Mungkin ada peruntukan undang-undang tapi pelaksanaannya tidak adil..."

PERBINCANGAN

Dapatan kajian kualitatif ini mendapati bahawa kefahaman terhadap agama, persekitaran didikan ibu bapa dan pengaruh aliran pemikiran sesat adalah merupakan aspek-aspek yang berkait dengan isu pendidikan dan juga isu pemantapan da'wah di negara ini. Hal ini kerana individu yang melakukan penghinaan agama Islam tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang Islam.. Dapatan ini senada dengan dapatan Zuliyus & Pitchan (2020) yang juga menyatakan bahawa faktor penghinaan agama di Indonesia berpunca daripada sikap pemimpin agama yang tidak prihatin sehingga mengakibatkan kejahilan dan munculnya ajaran sesat. Cuma yang membezakan adalah para informan melihat punca kepada salah faham agama berkait rapat dengan faktor peranan ibu bapa.

Manakala pengalaman buruk bergaul dengan masyarakat Islam sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam mungkin juga berpunca daripada isu prejudis dan memandang negatif kaum yang lain. Isu prejudis merupakan isu hubungan etnik di Malaysia yang masih sukar dibendung (Chandra, 2014). Namun, terdapat juga kebarangkalian bahawa perasaan dendam atau kebencian tersebut berpunca daripada sifat anti Islam yang berpunca daripada semangat perang salib seperti yang ditemui dalam dapatan kajian oleh Muhamad Faisal Ashaari et al. (2015)

Politik dan undang-undang juga turut dikaitkan sebagai salah satu aspek yang didapati menyebabkan berlakunya penghinaan agama Islam di Malaysia. Sama seperti dapatan yang

ditemui oleh Zuliyus & Pitchan (2020), agama telah dijadikan alat untuk sesetengah ahli politik bagi memenangi undi. Di Malaysia, isu-isu agama juga turut dimainkan terutama menjelang pilihanraya, yang lazimnya mengakibatkan teretusnya perbuatan dan percakapan yang memperlekehkan agama. Jelasnya, keberanian melakukan perbuatan menghina agama Islam juga bertitik tolak daripada tiadanya peruntukan yang jelas mengenainya dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini menyebabkan berlakunya ketidakpastian dan mendorong sesetengah individu untuk memburukkan serta merendahkan imej agama Islam tanpa rasa takut dikenakan tindakan undang-undang.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, para penyelidik mendapati bahawa konteks dan aspek penyebab penghinaan terhadap agama Islam adalah berkait rapat dengan isu pendidikan, isu hubungan etnik dan isu politik serta undang-undang. Secara asasnya kesemua aspek ini adalah saling terkait. Justeru, langkah pencegahan yang sesuai diambil adalah melalui pendidikan kesedaran dan mengubah paradigma *da'wah*. Namun, dicadangkan supaya fokus utamanya adalah kepada golongan dewasa dan ibu bapa. Ini adalah selari dengan dapatan temubual dan ini juga adalah aspek pendidikan yang selama ini tidak begitu dititik-beratkan. Oleh itu, satu bentuk pendekatan pendidikan dan *da'wah* yang dapat memupuk kefahaman dan kesedaran mengenai sensitiviti beragama dalam kalangan dewasa dan ibu bapa perlu dirangka dan dibangunkan.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran P1-16-15919-UNI-USIM-FKP “Pembangunan Model Baharu Pencegahan Penghinaan Agama Islam Di Media Sosial.”

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Alfani, A., & Saputra, H. (2019). *Menghujat dan Menista di Media Sosial Perspektif Hukum Islam*. 4(1), 35–50. <https://doi.org/10.29240/jhi.v4i1.728>
- Astro AWANI (2021, Apr 17) Video Tular Iklan judi hina agama Islam – JAKIM. Dipetik dari <https://www.astroawani.com/video-malaysia/video-tular-iklan-judi-hina-agama-islam-jakim-1900190>
- BH Online (2021, Jun 30) Tukang urut hina azan ditahan. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/06/833854/tukang-urut-hina-azan-ditahan>
- Chandra Muzaffar, (1996), “Keadilan Sosial di Malaysia : Satu Penilaian”, dalam Azizan Bahari & Chandra Muzaffar (eds.), *Keadilan Sosial*. Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar (IKD)
- Harian Metro (2021, Jun 15) Bakar tafsir al-Quran kerana kecewa kekasih berubah hati. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/06/718093/bakar-tafsir-al-quran-kerana-kecewa-kekasih-berubah-hati?fbclid=IwAR1J2sWwGw2qraMOOY2k8ngre9i8tM6WqNeSw7Ar9vu6-muROHfcUwGI4js>
- Mohamad Azri, & Mohd Al Adib. (2017). Analisis Matan Undang-undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malayisa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1). <http://www.ukm.my/jcil>
- Muhamad Faisal Ashaari, Siti Nazifatulhayat Yusoff, & Siti Maimunah Kahal. (2015). Topik Serangan Cyberterror Anti Islam Dalam Facebook “ Murtads From Malaysia and Singapore .” *Al Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 2(2), 1–12.
- Roslizawati Mohd Ramly, Eizan Azirra Mat Sharif, Marina Munirah Abd Mutalib, Mohd Rosmizi Abd Rahman, & Wan Mohd Fazrul

Azdi Wan Mohd Razali. (2020). Tema Penghinaan Agama Islam Di Media Sosial : Satu Tinjaun Awal. In Mohd Radhi Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rosidayu Sabran, Nik Suhaida Nik Abdul Majid, Najib Sheikh AbdiSamad, Mohd Hamid Ismail, & Yuseri Ahmad (Eds.), *Seminar Antarabangsa Pengajian Akidah dan Agama* (pp. 242–248).

Zuliyus, F. R., & Pitchan, M. A. (2020). *Faktor Boleh Berlakunya Kes Penghinaan Agama di Indonesia*. 4(September), 1–5.